

**NO. SOALAN : 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8290**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bolehkah Kerajaan berunding dengan Kerajaan Negara Brunei untuk membuka sebuah CIQ baru di Pandam, Limbang, Sarawak (Malaysia) dan Lumapas (Brunei) sebagai laluan masuk kedua di antara Limbang dan Bandar Seri Begawan kerana pembinaan jambatan melintasi Sungai Limbang akan bermula pada awal tahun 2016.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, Kerajaan sentiasa mengutamakan elemen kawalan dan keselamatan dalam hal pemberian kemudahan pergerakan orang di pintu-pintu masuk Negara.**

**Dengan adanya perancangan untuk membina jambatan melintasi Sungai Limbang yang akan bermula pada awal tahun 2016, Kerajaan juga perlu mengkaji terlebih dahulu kesesuaian menempatkan sebuah pintu masuk / keluar di tempat tersebut.**

**Perkara tersebut boleh dirundingkan bersama-sama dengan kerajaan negara Brunei Darussalam melalui mesyuarat kerjasama imigresen yang sedia ada, seperti contoh '*Four Corner Meeting*' yang disertai Brunei, Sabah, Sarawak dan Labuan untuk menilai keperluan dan kesesuaian operasi pintu masuk / keluar di kawasan yang dimaksudkan.**